

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN  
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1987**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan keputusan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti-aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.
- 2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan segala upaya untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan Fatwa hasil dan pertanyaan orang ramai.
- 2.3. Maka banyak keputusan yang telah dibuat mulai Jawatankuasa ini mula memainkan fungsinya hinggalah ke hari ini.
- 2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1987 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapatkan kebenaran mewartakan dalam Warta Kerajaan.

### 3. AHLI -AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang dinyatakan di bawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1987. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

1. SS Dato' Hj. Ishak bin Hj. Baharom  
Dato' Seri Utama Diraja  
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. - Pengerusi
2. Tuan Haji Abu Naim bin Hj. Ikhsan  
SF Kadi Besar Negeri Selangor - Timbalan Pengerusi
3. SS Dato' Hj. Mahmad Muhtar bin Hj. Mahmad Salleh  
Pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor - Ahli
4. Tuan Haj i Mohd Ishak bin Haji Mohd Yaacob  
SF Timbalan Kadi Besar, Selangor - Ahli
5. YB Tuan Ahmad Fairuz bin Dato' Sheikh Abdul Halim  
YB Penasihat Undang-undang - Ahli
6. Tuan Haji Jamaudin bin Omar  
Pesara - Ahli
7. Ustaz Ahmad bin Haji Yusuf  
Guru - Ahli
8. Tuan Haji Jaafar bin Hj. Noh  
Pesara - Ahli
9. Tuan Hj. Mohd Toha bin Hj. Omar  
Guru - Ahli
10. Prof Madya Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman  
Pensyarah UIA - Ahli
11. Ust. Ahmad Dahlan bin Hj. Abd. Manan  
Pesara - Ahli
12. Tuan Hj. Makhtar bin Hj. Mat Razi  
Nazir pelajaran Agama Islam Kuala Selangor - Ahli

### **Setiausaha/Urusetia**

Mulai tahun 1985, Setiausaha bagi Jawatankuasa ini adalah penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan JAIS dan urusetia adalah Bahagian Penyelidikan JAIS. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut :

1. Tuan Haji Turmidi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haji Khairuddin bin Haji Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

## **4. KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT**

### **TAHUN 1987**

1. Bacaan Doa Di Majlis Rasmi.
2. Takrif Fakir, Miskin, Fisabilillah, Ibnu Sabil, Gharim, Rikab, Muallaf dan Amil.
3. Hukum Sabit Taklik Dan Fasakh Perempuan Yang Belum Tamkin Di Mahkamah Kadi Litar Selangor.
4. Meruntuhkan Masjid Jamek Lama Untuk Menggantikan Masjid Baru Batang Kali.
5. Tabung Khairat Kematian Bagi Pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia.
6. Mengenai Tempat Pelamin Pengantin Di Masjid Negeri Selangor.
7. Bantuan Asnaf Fisabilillah Kepada Pejuang Dan Pelarian Afghanistan.
8. pengesahan Mengenai Borang Pengistiharan Harta Pesaka Hashim bin Kasani.
9. Projek Perumahan di atas tanah wakaf Masjid Kg. Kuantan.

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak untuk pengesahan semula dan akan dibawa kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor untuk makluman dan arahan untuk diwartakan dalam warta Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

Bahagian Penyelidikan,  
Urusetia,  
Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa)  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**TAHUN 1987**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Bacaan Doa Di Majlis Rasmi	6
2.	Masalah Hukum Sabit Taklik dan Fasakh Perempuan Yang Belum Tamkin di Mahkamah Kadi, Litar Selangor	9
3.	Meruntuhkan Masjid Lama untuk menggantikan Masjid Baru Batang Kali	11
4.	Tabung Khairat Kematian Bagi Pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia	13
5.	pengesahan Mengenai "Form Of Declaration" atau "Borang Pengistiharan" Harta pesaka Hashim Kasani	17
6.	Projek Perumahan Di Atas Tanah Wakaf Masjid Kampong Kuantan, Klang	19
7.	Tempat Pelamin Pengantin Di Masjid Negeri Selangor	21
8.	Bantuan Asnaf Fisabilillah Kepada Pejuang Dan Pelarian Afghanistan	23
9.	Takrif Fakir, Miskin, Fisabilillah, Ibnu Sabil, Mualaf, Rikab, Gharim dan Amil serta pembahagiannya	24

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
BACAAN DOA DI MAJLIS RASMI**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dimaklumkan bahawa ada terdapat majlis-majlis rasmi yang diadakan oleh setengah-setengah pihak yang tidak berunsurkan Islam ada dibacakan doa.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2. 1. Setiausaha Jawatankuasa Kecil yang di tubuhkan dalam perkara ini membentangkan rangka kerja panduan bacaan doa di majlis rasmi dan tempat duduk pembaca doa diterima seperti berikut :

**MAJLIS YANG DIHARUSKAN DIBACA DOA**

1. Majlis yang berunsurkan Islam seperti Majlis Arwah, Khatam Al-Quran, doa selamat atau seumpamanya.
2. Majlis yang bukan berunsurkan Islam (umum) seperti majlis mesyuarat, majlis sukan, majlis perjumpaan dan lain-lain atau yang tidak ada padanya perkara-perkara yang mungkar dan bercanggah dengan hukum syara' .
3. Majlis yang dihadiri oleh orang Islam atau sebahagian besar daripadanya orang Islam.

### **BACAAN DOA**

1. Doa hendaklah dibaca sederhana panjangnya dan tidaklah terlalu pendek.
2. Boleh berdoa dengan bahasa Melayu tetapi doa itu hendaklah dimulakan dengan bahasa Arab yang mengandungi Bismillah, Alhamdulillah, Selawat atas Nabi dan disudahi dengan bahasa Arab juga yang mengandungi Selawat atas Nabi.
3. Sebaik-baiknya doa yang dibaca ialah doa yang makthurat dari Rasulullah S.A.W.

### **TEMPAT PEMBACA DOA**

1. Pembaca doa hendaklah ditempatkan di tempat yang sesuai dalam sesuatu majlis misalnya dihadapan atau di muka majlis atau di tempat sekiranya dapat menghadirkan diri di tempat pembaca doa dengan mudah.
2. Pembaca doa hendaklah berpakaian kemas dan mempunyai akhlak yang mulia.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 8 Zulkaedah 1407 bersamaan 4 Julai 1987.

3. Perkara ini telah ditimbulkan dalam mesyuarat Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) pada 22 Ramadhan 1413 bersamaan 16 March 1993 yang mana persoalan yang ditimbulkan adalah seperti berikut :

" Ada terdapat majlis-majlis rasmi yang diadakan oleh sesetengah pihak yang tidak berunsurkan Islam dibacakan doa ".

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membincangkan perkara ini dan mengambil keputusan :

" Bahawa majlis-majlis yang bercangghah dengan ajaran Islam tidak perlu dibacakan doa"

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
MASALAH HUKUM SABIT TAKLIK DAN FASAKH  
PEREMPUAN YANG BELUM TAMKIN DI MAHKAMAH KADI LITAR SELANGOR**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Mahkamah Syariah (Kadi Litar) yang bertanyakan berkenaan dengan masalah hukum sabit taklik dan fasakh perempuan yang belum tamkin.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai, perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan mesyuarat bersetuju mengambil keputusan seperti berikut :

" Seseorang isteri yang ditinggalkan oleh suaminya yang belum tamkin denganya dan tiada dapat sebarang berita di tinggalkan suaminya berada (ghaib), maka Kadi menurut qaul Mazhab Maliki bolehlah memfasakhkan, nikahnya kerana mengelakkan dari kemudharatan ke atas isteri.

Sebagaimana Nasnya :

( فائدة ) لو فقد الزوج قبل التمكين فظاهر كلاهما لا  
فسخ ( اعانة الطالبين جزء ٤ م س ٩٦ )

Ertinya :

Jika ghaib suami sebelum tamkin jika mengikut zahir pendapat mereka (Ulama' Fekah) bahawasanya tidak boleh difasakh.

Dari sini dapat difahamkan bahawasanya mengikut zahir pendapat mereka : masalah sedemikian tidak boleh difasakhkan tetapi (disebalik) yang zahirnya ada pula

yang mengatakan boleh memfasakhkan kerana untuk mengelakkan si isteri daripada teraniaya selama-lamanya (kerana tidak mendapat nafkah dan tergantung selama-lamanya).

Ini disokong dengan pendapat Mazhab Maliki dengan nasnya

ومذهب مالك رحمه الله تعالى : لا فرق بين الممكنة وغيرها  
إذا تعزرت النفقة وضربت المدة وهي عنده شهر للفحص  
عنه ثم يجوز الفسخ (إعانة الطالبين ج ٤ ص ٩٦) .

Ertinya :

Dan mengikut Mazhab Maliki R.A. - tidak ada perbezaannya di antara isteri yang sudah tamkin atau pun belum tamkin apabila tidak dapat nafkah dan telah berlalu masa untuk mencarinya, maka haruslah difasakhkan " .

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 30 Rabiul Akhir 1408 bersamaan 19 Disember 1987.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
MERUNTUHKAN MASJID LAMA BATANG KALI UNTUK  
MENGANTIKAN MASJID BARU**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk mengeluarkan fatwa berkenaan dengan kedudukan Masjid Jamek Lama Batang Kali yang dirancang untuk diruntuhkan.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya bertarih 19 Disember 1987 bersamaan 30 Rabiul Akhir 1408 telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan ahli-ahli yang hadir telah membuat keputusan seperti berikut :

"Adalah boleh diruntuhkan masjid yang lama itu kerana menggantikan masjid yang baru dengan syarat seperti berikut di bawah ini :

1. Adalah diutamakan supaya pembenaan masjid baru di tempatkan di tapak yang asal (masjid yang lama) untuk menjaga kehormatan tapak masjid itu, jika sekiranya pembenaan masjid baru itu di tapak yang lain, tapak lama hendaklah dipagar supaya terjamin kehormatan dan kebersihannya.
2. Mengenai masjid lama jika diruntuhkan maka bahan-bahan masjid (kayu dan lain-lainnya) hendaklah digunakan (diwakafkan) ke masjid atau surau-surau yang lain."

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 30 Rabiul Akhir 1408 Hijrah bersamaan 19 Disember 1987

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
TABUNG KHAIRAT KEMATIAN BAGI  
PEGAWAI-PEGAWAI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima persoalan daripada Pegawai dan kakitangan yang bertugas di Universiti Pertanian Malaysia yang ingin penjelasan berkenaan dengan penubuhan tabung khairat kematian bagi pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti berdasarkan nas yang muktabar dan mengambil keputusan seperti berikut :

" Hukum seseorang menderma dalam tabung khairat kematian atau lain-lain tabung kebajikan adalah diharuskan dan mendapat ganjaran dari Allah. Dan adalah diharuskan juga derma itu diberikan kepada orang yang bukan Islam jika wang derma tabung itu bukan daripada zakat yang wajib. "

Tersebut dalam kitab "Fatawa Syariyah Wabuhus Islamiah" Juzuk I Hussein Muhammad Makhluaf Adiar-ur Misriyatus Sabikan Muka surat 258 :

( اما سائر صدقات التطوع فجمهور الاثمة على جواز دفعها اليه \* غير ان الافضل صرفها الى القريب الفقير لما فيه من صلة الرحم وفي الحديث: الصدقة على المسكين صدقة، وهي على ذى الرحم شنتان صدقة وصلوة، والى من في شدة حاجة من المسلمين كفقراء اليتامى والارامل، والى الاصهار الفقراء، والى الفقراء من اصداق الوالدين والزوجة \* )

ولو صرفت الى غير المسلم جاز، وكان للمتصدق ثواب في الجملة ولكنه دون الثواب اذا صرفها لمن ذكروا، والله اعلم \*

Maksudnya :

Adapun semua sedekah-sedekah sunat, maka jamhur (kebanyakkan) ulama' menghukumkan harus memberinya kepada orang bukan Islam. Cuma bahawasanya yang afdhalnya (utamanya) hendaklah diberikan kepada kerabat kita yang miskin, kerana ada padanya sifat menghubungkan tali silaturrahim.

Dan dalam sebuah Hadith Nabi S.A.W. berbunyi :

Bermula sedekah kepada orang miskin itu cuma ada satu sahaja unsur kebaikan : tetapi sedekah kepada orang yang ada hubungan dengan kerabat yang miskin ada padanya dua unsur kebaikan. Pertama sedekah dan kedua menghubungkan silaturrahim dan kepada orang yang memerlukan dari golongan orang-orang Islam, seperti anak-anak yatim yang miskin dan janda-janda.

Dan kepada kaum kerabat yang fakir dan kepada orang yang fakir yang terdiri daripada rakan-rakan ibubapa dan isteri. Dan jikalau diberikan kepada orang yang bukan Islam hukumnya harus, dan adalah orang yang bersedekah itu dapat pahala jugatidaklah sama pahalanya apabila diberikan kepada orang-orang tersebut di atas tadi.

### **Pandangan Fatwa**

Adalah sangat baik seperti yang dicadangkan jika wang Tabung Khairat Kematian itu dapat dipotong daripada gaji kerana tidak diragukan lagi sumbemya bagi orang bukan Islam. Dan adalah baik jika difikirkan munasabah supaya dibuat 2 tabung yang berasingan demi tidak menjadi kesamaran oleh ahli-ahli kerana sekurang-kurangnya dapat menghindarkan daripada perkara-perkara subhat yang di tuntutan oleh syara' supaya menjauhinya ".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 19 Disember 1987

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PENGESAHAN MENGENAI " FORM OF DECLARATION" ATAU  
" BORANG PENGISTIHARAN " HARTA PESAKA HASHIM BIN KASANI**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk mengesahkan berkenaan dengan Borang pengistiharan Harta Pesaka Hashim bin Kasani.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai perkara tersebut.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara tersebut di atas dengan saksama dan dipersetujui mengikut keterangan yang telah diberi oleh anak angkat (Sujar bt. Stat, Salmah bt. Kasamani) dan saksi – Puan Sumi bt. Hj. Abd. Latiff, En. Kasamani dan Puan Nilam bt. Ludin bahawa ""Borang pengistiharan" itu adalah bermaksud sebagai wasiat kepada anak angkat.

Pengakuan mereka yang tersebut di atas telah dibuat dihadapan SS Dato' Seri Utama Diraja, Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan pada 16 April 1987.

Oleh itu mesyuarat membuat keputusan bahawa wasiat yang diberikan kepada anak angkat itu mengikut hukum syara' hanyalah diluluskan satu pertiga (1/3) daripada harta sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 April 1987 bersamaan 26 Syaaban 1407.

**KEPUTUSAN. JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PROJEK PERUMAHAN DI ATAS TANAH WAKAF  
MASJID KAMPONG KUANTAN, KLANG**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diajukan dengan persoalan berkenaan cadangan untuk mengadakan projek perumahan di atas tanah wakaf Masjid Kampong Kuantan, Klang.

Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan teliti dan ahli mesyuarat bersetuju membuat keputusan seperti berikut :

"Tanah wakaf Masjid untuk mendapatkan hasil atau kewangan masjid dibuat projek perumahan hukumnya adalah harus dan rumahnya bolehlah dijual tapak (tanahnya). Tapak rumah itu adalah dikira pinjam/sewa sahaja. "

Ia berdasarkan kepada Buku Fatwa-Fatwa Kerajaan Johor Jilid Pertama muka surat 275.

"Jawapan soalan tiga - kalau barang wakaf itu berupa seperti rumah dan seumpamanya diwakafkan kerana pendapatan hasilnya maka boleh wakaf itu disewakan. "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 25 April 1987 bersamaan 26 Syaaban 1407.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING BUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
TEMPAT PELAMIN PENGANTIN DI MASJID NEGERI SELANGOR**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah dimajukan dengan pertanyaan berkenaan dengan terdapatnya pelamin pengantin di Masjid Negeri Selangor untuk pengantin yang mengadakan upacara akad nikah di Masjid tersebut.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Semua ahli-ahli mesyuarat yang membincangkan perkara ini tidak setuju bahawa pelamin pengantin diadakan di Masjid Negeri kerana ia bercanggah dengan adab-adab dalam masjid dan perkara tersebut juga bertentangan dengan hukum Islam.

Tersebut dalam kitab Al-Fikh Al-Islami Al-Muyassar Fi-aal a'qaid Wal'ibadat Wal'muamalat 'alal-Mazahibil-Arba'ah Abdul Halim Mahmud Musa :

" يكره رفع الصوت بذكره وقرآه ودعاءه ، لما في ذلك  
من التشويش ويحرم الكلام الدنيوي الذي يخلط  
على المتعبدين وتقدير المسجد ولو بالظواهرات ، والبيع  
والشراء الذي به تنتهك حرمة المسجد ، وكذلك يكره  
النوم والاكل والشرب الا ضيف ، ولمن لا منزل له ، ويكره  
اتخاذ طريقتا ، وكذلك زخرفة المسجد ، ويحرم ان  
يزخرف بالذهب والفضة •

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 23 Jamadil Awal 1407H bersamaan 24 Januari 1987.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
Negeri Selangor Darul Ehsan Mengenai  
BANTUAN ASNAF FISABILILLAH KEPADA  
PEJUANG DAN PELARIAN AFGHANISTAN**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah dimajukan dengan pertanyaan berkenaan dengan bolehkah Asnaf Fisabilillah digunakan untuk bantuan kepada pejuang dan pelarian Afghanistan.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan panjang lebar bahawa bersetuju Asnaf Fisabilillah boleh diberikan kepada pejuang dan pelarian Afghanistan.

Dalil tersebut dalam kitab Syarqawi Juzuk I :

( في سبيل الله ) غزاة لا في \* لهم اى لا سهم لهم في  
ديوان المرتزفة بل هم متطوعون يغزون اذا انشطوا  
اه \* شرقاوى \*

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 23 Jamadil Awal 1407 Hijrah bersamaan 24 Januari 1987.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
TAKRIF FAKIR, MISKIN, FISABILILLAH, IBNU SABIL,  
MUALAF, RIKAB, GHARIM DAN AMIL SERTA PEMBAHAGIANNYA**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ( Fatwa) telah diminta untuk mengeluarkan fatwa berkenaan dengan takrif Fakir, Miskin, Fisabilillah, Ibnu Sabil, Muallaf, Rikab, Gharim dan Amil serta pembahagiannya dan yang berkaitan dengannya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut .

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Setelah dibincangkan dari kertas yang telah disediakan, ahli mesyuarat mengambil keputusan seperti berikut :

**TAKRIF FAKIR**

"Seseorang yang tidak mempunyai harta dan tiada kuasa berusaha/ bekerja/ menanggung kerana tua atau cacat pada badan untuk mencari nafkah diri dan tanggungan yang boleh mencukupi keperluan hidupnya seharian yang patut pada adat - misalnya seseorang yang mempunyai tanggungan 5 orang anak yang mencukupi sara hidup harian mereka sebanyak RM 6.00 (makan dan minum orang yang sederhana) ini bererti sebulan ia memerlukan belanja sebanyak RM 180.00, sedangkan sara hidup yang diperolehi sekadar kurang daripada separuh (50% ke bawah).

Maka inilah yang ditakrifkan FAKIR dan kiaslah panduan ini seterusnya.

Dan sesiapa yang di tanggung baginya oleh bapa, suami, isteri, anak, cucu atau mana-mana orang atau mana-mana badan yang menanggung bagi tanggungannya yang mencukupi maka ia TIDAK TERMASUK FAKIR. "

### **TAKRIF MISKIN**

" Seseorang yang ada memiliki harta benda atau berkuasa berusaha dan bekerja tetapi pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi keperluan hidupnya dan keluarganya yang patut pada adat, misalnya seseorang yang mempunyai tanggungan lima orang anak yang mencukupi sara hidup harian mereka sebanyak RM 6.00 (makan dan minum orang yang sederhana) ini bererti sebulan ia memerlukan belanja sebanyak RM 180.00, sedangkan sara hidup yang diperolehi tidak mencukupi keperluannya 100%,

Maka ia ditakrifkan MISKIN dan kiaslah panduan ini seterusnya.

Dan sesiapa yang di tanggung baginya oleh bapa, suami, isteri, anak, cucu atau mana-mana orang atau mana-mana badan yang menanggung bagi tanggungannya yang mencukupi maka ia TIDAK TERMASUK MISKIN. "

### **DALIL :**

Tersebut dalam kitab ( بغية الطلاب - ج ٢ م ٧٣ )

"Tiada dinamakan miskin orang yang ada yang memberi nafkahkan dia seperti bapanya atau neneknya atau anak dan cucunya atau suaminya kerana kaya ia dengan nafkah itu, maka tiada harus mengambil zakat daripada bahagian Fakir/Miskin. "

### **PEMBAHAGIAN FAKIR DAN MISKIN MERUJUK KEPADA KELUARGA ATAU INDIVIDU**

" Sebuah keluarga yang menanggung beberapa orang keluarga yang tergolong dalam bahagian Fakir atau Miskin seperti yang tersebut dalam takrifnya yang dahulu, maka seorang sahaja dari ketua keluarga' atau bapa atau isteri yang berhak menerima babagian tersebut. "

### **TAKRIF FISABILILLAH**

"Seseorang yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti atau aktiviti-aktiviti untuk menegak dan mempertahankan Agama Islam serta kebajikan."

**DALIL :**

Daripada Tafsir Fahrul Razi No. 463 juzuk 4 dan tafsir Ruhul Maani No. 110 Juzuk 10 dan tafsir Khazin No. 304, Juzuk 2 ibarat Fahrul Razi. :

واعلم ان ظاهر اللفظ لا يوجب القصر على كل العزة فهذا  
المعنى فقال القفال في تفسيره عن بعض الفقهاء انهم احاز  
واصرف المصداقات الى جميع وجوه الخير من تكفين  
الموتى وبناء الحصون وعمارة المساجد لان قوله  
تعالى وفي سبيل الله عام في الكل \*

" Dan Ketahui olehmu bahawasanya zahir daripada lafaz itu tidaklah memastikan tertentu atas ahli peperangan sahaja maka dengan makna ini telah mencatat oleh Imam Quffal di dalam tafsirnya daripada setengah Fuqaha bahawasanya mereka mengharuskan zakat-zakat itu kepada semua jalan kebajikan seperti membalut orang mati dan membena kubu-kubu dan membanyakkan masjid-masjid kerana Firman Allah Taala itu am pada semuanya ibarat Ruhul Maani :

وفي سبيل الله وفسره في البدائع بجميع القرب فيدخل  
فيه كل من سعى في طاعة الله تعالى وسبيل الخيرات \*

" Dan telah mentafsirkan akan dia di dalam dengan sekalian kebajikan maka masukkan di dalamnya tiap-tiap mereka yang berusaha pada taatkan Allah Taala dan jalan kebajikan.

Dan juga tersebut dalam Fathul Bari pula (242) jilid ketiga :

ولمالك في الموطأ عن نافع ابن عمر كان يبعث زكاة الفطرة  
الى الذي يجمع عنده قبل الفطريومين او ثلاثة اهو  
يدل ايضا ما اخرجه البخارى في باب الوكالة وغيرها  
عند ابي هريرة قال وكلني رسول الله صلى الله عليه  
وسلم بحفظ زكاة رمضان • - الحديث -

Daripada Nafi' bahawasanya Ibnu Umar adalah ia mengirimkan zakat fitrah kepada orang yang menghimpunkan dia sebelum dua atau tiga hari dari hari raya, dan juga menunjukkan atas demikian daripada Abi Hurairah berkata Rasulullah S.A.W. mewakili aku pada menyimpan zakat Ramadhan (zakat fitrah). "

### **BAHAGIAN FISABILILLAH**

" Mesyuarat bersetuju bahagian ini (Fisabilillah) hendaklah diserahkan ke pihak Jabatan (Bhg. Baitulmal/Zakat) dan Bahagian Baitulmal/Zakat akan menguruskan pemberian kepada mereka yang berhak menerimanya, tidak sepertimana yang lalu bahagian Fisabilillah ditinggalkan di Masjid atau Surau untuk diberi kepada AJK Masjid Dan Surau sahaja. "

Alasannya :

Kerana ia kurang menepati dalam takrif pembahagian Fisabilillah - dan melalui pengagihan daripada Jabatan ini dapat diperkemarkan.

### **YANG MENDAPAT DAN ORANG-ORANG YANG BERHAK MENERIMA BAHAGIAN FISABILILLAH**

1. Bantuan Masjid-masjid, Surau dan Sekolah-sekolah Agama Islam Selangor.
2. Derma siswa kecil bagi pelajar Sekolah Menengah Tinggi Agama Islam Selangor.
3. Bantuan yuran peperiksaan Sekolah Agama Islam Selangor.
4. Hadiah-hadiah galakan.

5. Bantuan Pegawai-pegawai Masjid bukan Kerajaan.
6. Bantuan pakaian pelajar-pelajar miskin.

### **TAKRIF IBNU SABIL**

" Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh Syara' dari mana-mana jua negeri yang memerlukan bantuan walaupun mungkin dia mempunyai harta di dalam negeri tempat kediamannya."

### **ORANG YANG BERHAK MENDAPAT BAHAGIAN IBNU SABIL**

1. Pengembara/musafir yang terkandas.
2. Pengembara/musafir yang bertujuan kebajikan dan ketaatan.
3. Tambang pergi balik anak Selangor yang belajar di luar
4. Melawat sambil belajar.

### **TAKRIF MUALLAF**

"Seseorang yang baru memeluk Agama Islam dan memerlukan bantuan kewangan. "

### **MASA (TEMPOH) MUALLAF**

"Masa/tempoh seseorang Muallaf itu tidak ditentukan ia bergantung kepada kuatnya akidah dan keimanannya, selagi ia masih lemah dalam hal tersebut ia boleh menerima Bahagian Muallaf. "

### **ORANG YANG BERHAK MENDAPAT BAHAGIAN MUALLAF**

1. Bantuan bulanan (mereka yang sangat memerlukan atau pendakwaan) .
2. Kecemasan/kemalangan dan lain-lain.
3. Berkhatan (lelaki sahaja).
4. Hari raya (Aidilfitri/Haji).
5. Bantuan Majlis Perkahwinan (Majlis AkadNikah).
6. Menghadiri Ke las Agama Asas.
7. Sebaran Dakwah/Kursus.
8. Penerbitan/Risalah.

9. Bantuan biasiswa kecil anak-anak saudara baru.
10. Elaun Guru Muallaf (Cina/India/Asli).
11. Pengurusan rumah/bangunan Muallaf.

### **RIKAB**

"Setelah dibincangkan mesyuarat Fatwa hari ini bersetuju bahawa asnaf Rikab ini digugurkan (dihapuskan) dalam pengagihan zakat kerana pada masa ini rikab tidak wujud lagi. Oleh itu zakat hanya dibahagi kepada 7 asnaf sahaja,

berdasarkan kepada dalil di bawah ini :

" (Kata) Ibnu Silah, bahawasanya bagi mustahak yang maujud sekarang ini empat bagi jua (pertama) Fakir, (kedua) Miskin, (Ketiga) Orang Yang Berhutang, (keempat) Ibnu sabil, dan jika tiada Maujud seorang jua pun daripada sekalian mustahak itu hendaklah dipelihara zakat itu hingga ada sekalian mereka itu atau setengah mereka itu dan apabila membahagi Imam atau Amilnya akan zakat wajiblah atasnya memberikan zakat bagi tiap-tiap seorang yang di dalam satu bagi daripada sekalian bagi yang maujud. "

### **TAKRIF GHARIM**

" Orang yang menanggung hutang kerana masalah agama dan tidak mampu membayarnya "

### **TAKRIF AMIL**

" Orang yang dilantik/ditauliahkan oleh DYMM Sultan atau Naibnya ( Pengarah JAIS ) untuk penyelenggaraan hal-hal zakat "

Telah tersebut juga dalam kitab Majmuk

شرح المہذب جز ۶  
مک ۱۶۷ عبارتن و یجب علی الامام ان یبعث السعادة لاخذ  
الصدقة

Ertinya: Wajib atas Imam atau penggantinya melantik pekerja-pekerja (amil) bagi memungut zakat "

### **YANG MENDAPAT BAHAGIAN AMIL**

" Orang yang dilantik dan bekerja dalam pengurusan zakat tidak bergaji atau bergaji tetapi bukan sebagai tugasnya ".

### **YANG TIDAK MENDAPAT BAHAGIAN AMIL**

"Orang yang dilantik dan mendapat ganjaran atau bergaji daripada Kerajaan yang ia menanggung sebagai tugas dalam hal pengurusan zakat.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada :

1. 7 Februari 1987,
2. 7 March 1987 bersamaan 7 Rejab 1407,
3. 28 March 1987 bersamaan 28 Rejab 1407,
4. 25 April 1987 bersamaan 26 Syaaban 1407,
5. 4 Julai 1987 bersamaan 8 Zulkaedah 1407